



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI KAUNSELOR (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI KAUNSELOR**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**B.2 EB.3 (\$2,270-\$4,240 SEBULAN)**  
**B.2 (\$2,270-\$3,760 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kaunseling / Psikologi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kaunseling / Psikologi atau bidang berkaitan **dan** telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

**ATAU**

ii) *Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Pegawai Kaunselor atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

**ATAU**

iii) *Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.*

2. Menjadi ahli penuh kepada salah satu Badan Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.



3. Mengetahui Peraturan-Peraturan Am dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan adalah kelebihan.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Perkhidmatan Kaunseling di Bahagian Perkhidmatan Kaunseling;
2. Melaksanakan sesi-sesi kaunseling dan menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan dengan kaunseling;
3. Melaksanakan aktiviti dan program-program tahunan anjuran Bahagian Perkhidmatan Kaunseling;
4. Menyediakan laporan sesi kaunseling dan aktiviti serta program-program kaunseling;
5. Menyimpan dan merahsiakan semua rekod-rekod klien dengan baik sepetimana yang dikehendaki menurut kod etika kaunseling;
6. Melaksanakan aktiviti pemantauan, penyelidikan dan kajian pembangunan modal insan; dan
7. Menjalankan apa-apa tugas dan arahan dari Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Perkhidmatan Kaunseling dan Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.